

# RIWAYAT YANG BERSEJARAH

Abu Dzar Al-Ghifari **KALAU IMAN SUDAH MENDALAM**

Riwayat yang kita siarkan di bawah ini ialah suatu riwayat tawarikh yang di dalamnya mengandungi pengorbanan-pengorbanan yang terbit daripada jiwa yang suci yang kita rasa molek menjadi bacaan dalam masa menyambut Hari Raya Korban ini. Riwayat ini ialah riwayat Abu Dzar Al-Ghifari sahabat yang utama kepada Rasulullah (SAW) yang telah tertahan hatinya melihat kejadian-kejadian sebahagian daripada umat Muhammad telah mengutamakan harta dunia dengan meninggalkan hak-hak Fuqara' dan Masakin dan dengan tulusnya ia telah maju ke tengah menuntut supaya hak Fuqara' Masakin itu diberi dan diutamakan sehingga dengan kerana langkahannya yang tulus dan berani itu yang menjadikan banyak pengikut-pengikutnya lalu ia diasingkan daripada masyarakat ramai oleh pemerintah pada masa itu sehingga meninggal dunia di tengah-tengah padang pasir oleh kerana menyempurnakan faham yang menjadi hakikat hatinya – Pengarang.

(Oleh Abdullah Basmeh)

[Abu Dzar seorang sahabat Rasulullah (SAW) yang telah mengorbankan kepentingan dirinya dan kesenangan dunia kerana mencari keredhaan Illahi. Meskipun dia telah menderita dan merasa azab sengsara, tetapi imannya makin mendalam, dan makin bertambah teguh yang sudah tentu tak dapat dipecah atau dileburkan oleh sesuatu kuasa, hatta oleh kuasa “atom” atau hidrogen sekalipun!]

Keluarlah “Abu Dzar” mengembala kambingnya seperti biasa, setelah matahari tiba di tengah-tengah langit dan setelah bahangnya telah naik memuncak dengan kancangnya membakar padang pasir yang terbentang luas itu, iapun maka mencari perlindungan di bawah sepohon tamar (kurma) sambil mengawas kambing-kambingnya yang sedang meragut kerakap di celah-celah batu di situ.

Pemandangan di padang pasir yang saujana mata memandangi itu telah membangkitkan tanda tanya di dalam hatinya, dan telah menggerakkan akal fikirannya untuk memikirkan kejadian alam yang sedang terbentang hebat di hadapan matanya itu.

Makin ia termenung memikirkan hal itu dengan tenang,

makin pula dia terasa satu desakan batin mendesaknya supaya ia cuba mengetahui akan rahsia kedudukan itu dengan lebih jelas lagi.

Sedang Abu Dzar asyik dan fana perasaannya melihat dan memikirkan segala kebesaran Allah yang sedia terhampar di hadapannya, tiba-tiba telah terpancang seekor serigala terhendap-hendap hendak memperkosa seekor anak kambing yang sedang terlompat-lompat ke sana ke mari dengan riangnya. Dengan tidak memberi tempoh lagi Abu Dzar telah bertempik lalu mengejar akan serigala itu berkalit-kalit ke kiri dan ke kanan sehingga ia berjaya menyelamatkan kambing belaanannya dari penangan taring binatang yang buas dan kejam itu.

Abu Dzar cuba duduk semula, tetapi seruan hati kecilnya telah bergema di dalam kandungan dadanya, dan cahaya pertunjuk telah memancar-mancar menyinari hatinya yang mana telah menjadikan dia bangun dengan mengejut seolah-olah direntap orang lakon. Iapun terus pergi mendapatkan saudara perempuannya dan berkata kepadanya: “Bawalah segala bekalan dan kain bajuku ke mari, jagalah kambing kita, kerana

”Mekah” tanah suci telah menyeruku mendatangnya. Hati kecilku mendesak hendak berjumpa dengan seorang penyeru agama baharu, yang baharu terbit di tengah-tengah masyarakat sana.”

-----\*-----\*-----

## “MENCARI ALLAH!”

----\*----\*----

Abu Dzar telah tiba di “Mekah” didapitnya bandar itu amatlah hebat dengan rumah-rumahnya yang tersergam dipagari oleh bukit-bukit termasuk bukit (Jabbal) “Abi Qabbis” yang masyhur itu.

Sombong rupanya dengan tanda-tanda kebesaran, dan penuh tepu dengan penduduk-penduduk daripada kabilah-kabilah Yazid, Qitfan, dan lain-lainnya. Manakala jalan-jalan rayanya dan rumah-rumah persekutuannya pula dipenuhi oleh orang ramai, ada yang asyik menceritakan kemewahan-kemewahan negeri Syam, ada yang asyik memuji akan keindahan istana besar “Kisra” (Raja Parsi) dan taman-tamannya yang indah permai, manakala yang lainnya pula leka berseloka dan bersyair dengan syair-syair ciptaan pujangga-pujangga yang terbilang pada masa itu.

Dengan tidak membuang peluang Abu Dzar telah menyelit masuk di dalam salah satu kumpulan yang sedang riuh rendah memperbincangkan dan mengata nista akan seorang anak yatim yang mereka pandang sebagai seorang gila, yang telah datang ke tengah-tengah masyarakat di situ hendak menukarkan segala fahaman dan iktikad yang telah menjadi pusaka mereka turun menurun, dan hendak meleburkan berhala-berhala yang telah mereka puja dan sembah akan dia zaman berzaman. Dengan tidak semena-mena majlis itu telah menjadi senyap sunyi, kerana mereka telah melihat seorang tua yang hebat dan tampan bentuk tubuhnya sedang berjalan ke kumpulan mereka dengan tenang lakunya. Sekalian yang hadir di situ

telah bangun memberi hormat kepada orang tua yang baharu tiba itu iaitu “Abi Talib” ketua pemerintahan “Mekah” pada masa itu.

Kumpulan yang ramai itu telah tunduk mendengar segala tutur katanya tatkala ia memperikan perihal anak saudaranya (Muhammad) dan kebenaran seruannya. Tetapi mereka itu hanya mendengar dengan perasaan geram dan jijik kerana perasaan “kafir” masih tebal berlapis-lapis menyaluti jiwa mereka!

-----\*-----\*-----

## “MENERIMA HIDAYAH ILAHI”

Majlis itu telah bersurai dan Abi Talib pun balik ke rumahnya. Pada masa itu Abu Dzar (nama penuhnya: Jundab bin Junadah) telah menurutnya dan telah menahannya di hadapan pintu rumahnya lalu meminta izin kepadanya hendak berjumpa dengan anak saudaranya (Muhammad) Sallallah Alaih Wasallam, kerana dia ingin hendak mendapat pertunjuk dan pimpinannya, hajat Abu Dzar telah makbul dan dia telah berbahagia mengucap kalimah “*La illaha illaLlah Muhammadur Rasulullah!*”.

Semenjak itu bererti Abu Dzar telah menerima sebesar-besar nikmat yang tidak ternilai harganya iaitu “nikmat Islam” sesudah dia puas meraba-raba di dalam kegelapan dan kejahilan!

Baliklah dia ke kampung lamannya dengan nama Abdullah ganti daripada nama asalnya “Jundab”. Dengan hati yang penuh iman dan yakin, tulus ikhlas, kasih sayang, dan benar pada segala tutur katanya. Di kampungnya dia telah bersungguh-sungguh menyebarkan di antara segala sanak saudara dan sahabat handainya akan seruan kebenaran (Islam). Tetapi telah menjadi biasa bahawa segala seruan yang baik itu sentiasa mendapat pertentangan dari anasir-anasir yang berjiwa kotor. Dari kumpulan-kumpulan iblis, dan dari orang-orang yang menjadi sampah

masyarakat! Walaupun yang demikian tetapi ini tidaklah dapat mematahkan azamnya daripada berjuang menaburkan ajaran yang baik itu, sekalipun dia terpaksa menderita, malah segala penderitaan tu diterimanya dengan hati yang penuh dengan sabar dan syukur. Abu Dzar makin bertambah yakin bahawa kebenaran itu tetap ke atas selamanya, tak dapat ditindih dan tak dapat ditindas!

Setelah puas dia menderita maka tibalah pula pertolongan Allah kerana Islam telah berterus terang menyatakan dasarnya kepada penduduk tanah suci dan telah mendapat sambutan yang meriah dari pahlawan-pahlawan yang terkemuka di situ. Abu Dzar telah kedengaran suara yang bergema bunyinya dari arah negeri Mekah menyeru sekalian manusia kembali kepada kebenaran :

“Wahai sekalian manusia takutilah (ikutlah perintah) Allah Tuhan kamu, bahawasanya goncangan hari Qiamat adalah satu kejadian yang amat besar, (ngeri dan tidak terperi segala penderitaan yang akan ditimpakan pada hari yang amat menggerunkan itu), pada hari itu kamu akan melihat bagaimana ngerinya, sehingga tiap-tiap ibu yang menyusukan anaknya akan kehilangan akal, masing-masing tak sedar akan anak-anak yang mereka susui itu, tiap-tiap perempuan yang bunting pula (serta merta) akan menzahirkan anak yang dikandung. Pada hari itu juga akan kelihatan manusia berupa mabuk, tetapi yang sebenarnya mereka tidaklah mabuk. Segala kejadian-kejadian yang ngeri ini tidak begitu menggerunkan jika dibandingkan dengan azab Allah pada hari itu yang sudah tentu lebih besar dan lebih kencang lagi”

Abu Dzar telah tertarik menyahut suara itu, iapun memberi selamat tinggal kepada kampung halamannya lalu belayar mendapatkan Rasulullah. Sebelum tiba ke sana, junjungan kita telah terasa akan kedatangannya dan kerana itu baginda telah bersabda kepada sahabat-sahabatnya yang hadir di situ: *Awwalu min yadgulu alaikum as-saa'ah, rajulun min ahli Jannah* (orang yang

mula-mula masuk ke dalam majlis tuan-tuan sekarang ini, ialah seorang lelaki dari ahli syurga) sebetulnya Abu Dzar pada masa itu telah tiba dan telah masuk ke majlis Rasulullah lalu disambut oleh baginda dengan sukacitanya sambil bersabda : *“Ahlan bi al-matrudi an harami min ba'di lamahabbatika li ahli bayti fa ta'ishu wahdaka wa tamutu wahdaka wa yas'udu bika qawmun yatawalluna tajahayazuka wa dafanuka 'ula'ika rafaqi fi jannati al-khuldi allati wu'ida al-muttaqun.”*

Maksudnya : “Dipersilakan orang yang akan terusir daripada masjidku (Madinah) kemudian daripada wafatku, semata-mata kerana engkau mencintai dan bertimbang rasa kepada keluargaku (Ahlul Bait), engkau akan hidup terpencil, dan akan mati terpencil, dan satu puak akan beroleh bahagia kerana mereka bersusah payah mengurus jenazahmu dan menanamnya. Mereka itulah yang akan menjadi rakan-rakan bagiku di dalam syurga (Jannah Khulud) yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang takwa.”

Semenjak itu tidaklah Abu Dzar berenggang daripada sisi Rasulullah barang ke mana sahaja baginda bergerak di situlah dia menunda. Pada masa baginda berhijrah Abu Dzarlah yang telah mara ke tengah menyahut seruan itu, pada masa peperangan “Badar” dialah yang tampil ke tengah-tengah gelanggang perjuangan menentang kaum Musyrikin. Juga di dalam peperangan “Uhud” (Uhud) Abu Dzarlah dengan hati yang berani dan gagah perkasa kelihatan bertahan di tengah-tengah medan pertempuran pada ketika orang-orang yang lemah imannya dan berjiwa pengecut cabut melarikan diri.

Demikianlah perdingannya dengan Rasulullah sehinggalah baginda itu wafat. Dan demikianlah juga perdingannya dengan kedua-dua khalifah Al-Muslimin (Abu Bakar dan Umar) sehinggalah kedua-dua beliau itu meninggal dunia. Sekalipun pada masa itu dia telah tua tetapi sempat juga melihat dan mengalami perubahan-perubahan

yang telah berlaku pada zaman Saidina Uthman Khalifah Islam yang ketiga itu.

-----\*-----\*-----

## ABU DZAR MEMBIDAS

Pada masa itu (di dalam masa pemerintahan Saidina Uthman) Abu Dzar telah memandang sekelilingnya didapatinya kebanyakan umat Islam telah bertukar sama sekali keadaannya. Masing-masing leka merebut-rebut kebesaran dunia. Penyakit kapitalisme mulai menyerang masyarakat Islam yang sekian lama telah hidup tenang dengan fahaman sama rata sama rasa.

Rasa persamaan, kasing mengasihi, dan tolong menolong mulai lenyap dari masyarakat mereka. Kata-kata junjungan kita yang menjadi geliga hikmah seperti : *“Likulli syai’in miftah, wa miftahul Jannah hubbul masakiin”* (bagi tiap-tiap sesuatu ada anak kuncinya, (tetapi) anak kunci syurga ialah perasaan kasih dan menimbangrasa kepada orang-orang yang menderitanya dan kemiskinan.) dan sabdanya lagi *“As-Saie ‘ala al-armalah wa al-masakin kal mujahidun fi sabilillah.”* (Orang yang menolong bantu kepada seorang janda dan seorang miskin, samalah dengan orang yang berjuang pada jalan Allah!) Segala geliga-geliga hikmah ini yang sentiasa digalakkan oleh Rasulullah, telah ditinggalkan mereka pada masa itu.

Abu Dzar telah melihat segala-galanya ini, tetapi Khalifah Al-Muslimin (Saidina Uthman) masih mendiamkan diri kerana beliau asyik membaca Quran siang dan malam sahaja. Seperenggan ini tak dapatlah Abu Dzar menahan sabarnya kerana ghairah Islam telah berkobar-kobar di dalam kandungan hatinya, iapun tampil ke hadapan menegur dan membidas dengan berterus-terang. Pada satu hari telah kedengaran dia bertempik di tengah-tengah bandar Damsyik: *“Wahai kaum hartawan! Wahai orang-orang yang menjadi harapan*

*segala fakir miskin! (Iapun membacakan satu ayat Quran yang maksudnya): “Orang yang menyimpan emas dan perak dengan tidak mereka membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah (ya Muhammad) kepada mereka dengan seksanya yang amat pedih pada hari segala emas perak mereka itu akan dibakar di dalam Neraka Jahanam kemudian akan dicap (diselar) dengannya segala dahi dan iringan badan (tulang rusuk) serta belakang mereka. Inilah dia barang yang kamu simpan bagi diri kamu, maka sekarang rasalah balasan seksa bagi barang yang kamu simpan dan kumpulkan itu – daripada segala harta benda pada hal kamu tidak sudi mengeluarkan zakatnya.*

## ABU DZAR DIASINGKAN

Tetapi sikap Abu Dzar yang berterus terang ini telah tidak menyenangkan hati segala kaum hartawan terutama hati Muawwiyah yang telah tertawan kepada daki dunia dan yang menjadi pesuruhjaya Negeri Syam pada masa itu. Abu Dzar telah diusir dari negeri Syam. Ia telah menuju ke Madinah tetapi di Madinah begitu juga halnya. Dia tidak dapat menelan segala apa sahaja yang bersalahan dan berlaga dengan kehendak Islam! Akhirnya dia telah diasingkan (dibuang negeri) ke satu tempat yang bernama *“Ar-Rubazzah”*.

Keluarlah Abu Dzar meninggalkan Madinah bersama-sama dengan isterinya, anak, anak lelakinya (Dzar) dan seorang anak perempuannya dengan dihantar oleh beberapa orang sahabatnya yang terdiri daripada – Saidina Ali, Aqil, Hassan, Hussein, Amar bin Yassir dan Salman Al-Farisi. Boleh dikatakan Mereka-mereka inilah yang sentiasa membelanya daripada kekejaman *“Marwan”* yang bermaharajalela dalam kerajaan Saidina Uthman pada masa itu. Sebagai memberi selamat berpisah Saidina Ali telah berpesan kepadanya :

*Ya Abu Dzar, innaka ghadabta lillah, inna al-qawma khafuka ‘ala dunyahum wa khaftahum ‘ala dinika, famtahanuka bi al-qala wa nafawka*

*li al-fala'i, wallahi law kanat al-samawat 'ala 'abd ritqan thumma ittaqa Allah laja'ala lahu minha makhraja. Ya Aba Dhar anta ta'lamu 'anna nuhibbaka wa anta tuhibbuna, fattaqillah fa'inna taqwa najatun, wasbir fa'inna al-sabra karamun....."*

Maksudnya: "Hai Abu Dzar tuan telah naik marah semata-mata kerana membela jalan Allah, mereka telah naik takut kerana mereka amat gemar kepada dunia, dan tuan pula amat takut melihat kecerobohan mereka terhadap agama yang tuan junjung tinggi itu. Oleh itu mereka telah menganiayai tuan sehingga tuan terpaksa menderita dan mereka tergamak mengusir tuan ke tempat yang lapang. Demi Allah sekiranya tujuh petala langit ini menjadi tutupan yang sejati di atas seseorang hamba Allah, kemudian orang itu mengerjakan segala perintah Allah dengan takwa nescaya Tuhan Yang Maha Kuasa akan mengeluarkannya dari tutupan itu. Wahai Abu Dzar, tuan pun telah mengetahui bahawa kami amat mencintai tuan, dan tuan juga kami yakin amat mencintai kami. Saya berpesan: Bertakwalah kepada Allah bahawasanya takwa itu keselamatan, dan sabarlah, bahawasanya sabar itu kemuliaan..."

Sebeginilah kata-kata sumbangan yang telah diberi oleh Saidina Ali sebagai menjadi perangsang kepadanya buat menerima hukuman buang negeri itu dengan segala senang hati. Kerana Saidina Ali pada masa itu tidak ada kuat kuasa yang boleh menukarkan hukuman yang telah dijatuhkan oleh kerajaan Saidina Uthman kepada hukuman yang lebih ringan lagi.

Tinggalah Abu Dzar yang telah tua tetapi tidak patah semangat di dalam buangan itu dengan tidak ditemani oleh sesiapa selain dari seorang isteri dan dua orang anaknya.

Dia telah tahan menderita, dia telah melihat bagaimana penangan maut mencengkam kambingnya lepas seekor, seekor lagi sehingga habis kesemuanya sekali. Dia telah melihat penangan lapar telah menyambar nyawa anak lelakinya yang dikasihinya itu. Setelah dia meratakan kubur anaknya iapun meratap sambil berkata:

*"Rahimakallah ya Dzar, laqad kunta karim al-khalqi bar al-walidayni...."* ("Dirahmati Allah akanmu wahai "Dzar") (nama anaknya) – Sesungguhnya engkau adalah seorang yang berbudi halus (berakhlak mulia) lagi seorang anak yang taat kepada kedua ibu bapa..."

Tidak berapa antaranya ia telah meratapi isterinya yang telah meninggalkannya dua beranak terkatung-katung di padang tandus yang kering kontang itu, akhirnya Abu Dzar telah meninggalkan tempat itu bersama-sama dengan anak perempuannya yang tunggal lalu mereka mara ke tengah padang Sahara itu dan di sana dia telah memejamkan matanya dengan diratapi oleh anaknya. Mujurnya pada hari itu satu angkatan dari Iraq melalui di tempat itu, merekalah yang telah mengurus mayatnya dan menanamnya.

Matilah Abu Dzar kekasih orang-orang yang hidup menderita, dan musuh ketat kepada hartawan-hartawan tamak yang mementingkan kesenangan diri.

Matilah Abu Dzar musuh ketat kepada setengah-setengah hartawan-hartawan Islam yang menjadi pemakan "Hak Allah" di tengah terang dan membelakangkan ajaran-ajaran agama.

---

## PERHATIAN

Kita mengucapkan syukur dan terima kasih atas sambutan-sambutan makalah dan syair yang banyak telah dihantar kepada kita mendatangkan sambutan atas majalah Qalam. Tetapi oleh kerana dasar kita semata-mata menerbitkan majalah ini kerana memberi penerangan dan memberi apa-apa yang boleh atas perkara-perkara yang berfaedah kepada umum maka dengan ini kita mengucapkan sangat-sangat dukacita tak dapat kita menyiarkan segala sambutan itu dan kita berharap kepada pembaca-pembaca yang menggemari majalah ini silalah menulis makalah-makalah yang membawa faedah kepada umum umat Melayu dan Islam yang demikian ini lebih berfaedah, daripada menulis memuji-muji majalah kita. – Pengarang.